

20/04/1998

PM bidas laporan negatif media asing

SENAI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas media asing yang melaporkan kononnya Malaysia enggan mengakui ia menghadapi masalah ekonomi yang serius dan hanya menunggu masa meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Menurut Perdana Menteri, laporan media asing itu sengaja menggambarkan seolah-olah negara ini menghadapi masalah ekonomi serius dengan muslihat agar Malaysia tunduk kepada IMF.

"Banyak komen dalam akhbar luar negara bahawa Malaysia menafikan (menghadapi masalah ekonomi). Kononnya kerana kita tidak hendak mengaku bahawa kita menghadapi masalah.

"Mereka kata kita hanya menunggu masa saja dan sudah tentu Malaysia akan terpaksa meminta pertolongan daripada IMF.

"Saya tidak tahu siapa mereka, tetapi mereka adalah akhbar luar negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI) di sini, petang ini.

Perdana Menteri berkata, laporan media asing itu sengaja dilakukan bagi membolehkan syarikat asing mengambil alih syarikat tempatan dengan harga yang murah apabila syarikat tempatan muflis.

"Mereka mahu kita mengemukakan permintaan kepada Suruhanjaya IMF seperti membuka negara kita untuk membolehkan syarikat asing masuk dan membuat apa yang mereka suka.

"Tujuan utama mereka ialah untuk melihat syarikat tempatan jatuh bankrap supaya mereka dapat mengambil alih syarikat itu dengan harga yang murah.

"Sekarang pun dah murah... tetapi sudah tentu mereka mahu lagi murah," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan berusaha sedaya upaya mengendalikan ekonomi negara bagi memastikan Malaysia tidak meminta bantuan daripada IMF.

"Kita akan berusaha sedaya mungkin mengendalikan ekonomi negara bagi memastikan kita tidak meminta bantuan daripada IMF ... kerana ini bermakna kita sudah hilang kawalan terhadap ekonomi sendiri," katanya.

(END)